



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**CIRI-CIRI KARISMATIK WATAK REMAJA FEMININ
DALAM NOVEL-NOVEL REMAJA
PILIHAN.**

**AMER HMZAH B. L.KADIR
M20072000589**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**LAPORAN PROJEK YANG DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI SYARAT
KURSUS BSP 6006 MEMPEROLEH SARJANA PENDIDIKAN
(KESUSASTERAAAN MELAYU)**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2009**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

1 Oktober 2009



AMER HMZAH B. L.KADIR

M20072000589



DECLARATION

I hereby declare that the work in this thesis is my own except for quotations and summaries, which have been duly acknowledge.

1 October 2009

AMER HMZAH B. L.KADIR

M20072000589





PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinanNya, penyelidikan dan penulisan kertas projek ini dapat saya sempurnakan. Sesungguhnya, kertas projek ini dapat disiapkan dengan penglibatan beberapa individu yang telah memberi bimbingan, bantuan dan nasihat daripada pelbagai segi.

Untuk itu, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih serta terhutang budi saya kepada penyelia kertas projek ini, Dr. Talib B. Samat atas segala tunjuk ajar, bimbingan serta dorongan yang diberikan sepanjang penyelidikan dan penulisan kertas projek ini dilakukan. Sesungguhnya, hanya Allah SWT sahaja yang dapat membalas segala budi yang telah diberikan itu. Ucapan terima kasih juga saya sampaikan kepada individu seperti Dr. Hajah Siti Khariah Bt. Mohd Zubir yang menjelaskan isu berkaitan feminisme, Tuan Haji Abdul Halim B. Ali yang menjelaskan perkara berkaitan dengan teori dan En. Idris B. Mohd Radzi yang membimbing tentang kaedah penyelidikan.

Dalam kebebasan ruang ini, saya juga ingin menyatakan ucapan terima kasih kepada teman-teman yang tidak jemu-jemu memberi semangat dan dorongan agar saya tidak mudah putus asa. Bantuan mereka menyakinkan saya untuk terus menyiapkan kertas projek ini walaupun dibatasi dengan kesibukan tugas sebagai seorang guru.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan rasa terhutang budi dengan pengorbanan isteri tersayang, Pn. Suzana Bt. Othman yang memahami tanggungjawab saya menyiapkan kertas projek ini. Begitu juga dengan puteri-puteri tersayang; Amira Husna, Amira Harissa, Amira Haifa dan Amira Hafilza. Sesungguhnya saya amat terharu dengan sokongan dan memahami kerja-kerja yang saya lakukan untuk menyempurnakan kajian ini. Dengan doa dan harapan mereka, proses penyelidikan dan penulisan kertas projek ini berjalan dengan lancar.

Sekian. Terima kasih.

AMER HMZAH B. L.KADIR
M20072000589

Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim
Perak





ABSTRAK

Kajian ini sedaya mungkin meneroka persoalan berkaitan ciri-ciri karisma yang dimiliki watak-watak remaja perempuan dalam novel-novel remaja Melayu. Karya yang digolongkan sebagai karya untuk remaja berjaya menonjolkan ciri-ciri karisma watak remaja sehingga menuntut pengiktirafan sewajarnya pihak tertentu. Kajian yang lebih berpaksikan psikologi remaja berteraskan Teori Karismatik yang diperkenalkan oleh Max Webber, disamping pandangan ilmiah oleh sarjana lain seperti Bernard M.Bass dan Hunsaker P.L; serta sarjana tempatan. Kajian yang dilakukan secara jelas mengiktiraf novel-novel remaja yang mengutarakan watak-watak remaja berkarisma yang ditonjolkan oleh novel-novel pilihan. Analisa yang dilakukan melibatkan isi dan bentuk novel pilihan membuktikan bahawa pengarang berjaya memasukkan unsur-unsur karisma dan menjadikan watak-watak itu mendominasi keseluruhan naratif dalam novel tersebut. Isi dalam novel remaja pilihan menyerlahkan kepimpinan berkarisma serta mempengaruhi keseluruhan watak-watak lain yang membantu watak utama berfungsi sebagai pemimpin kecil yang berkarisma. Analisis dari sudut bentuk juga mendapati unsur “sebab dan akibat” dan “klimaks” turut menyerlahkan kepimpinan remaja berkarisma dalam novel-novel tersebut. Sehubungan itu, ciri-ciri karisma dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengarang dalam keseluruhan proses menghasilkan novel.





CHARISMATIC QUALITIES OF FEMININE TEENAGE CHARACTERS IN SELECTED TEEN NOVELS

ABSTRACTS

This research utmost trying to explore into doubts regarding charismatic features in feminine teenage characteristics in the Malay teen novels. The work of art that considered as the masterpiece for the adolescents is succeeded to show the charismatic features of the teen characteristics for it needs proper recognition from the relevant party. The study is based on adolescent psychology specifically under Charismatic theory introduced by Max Webber, besides erudite views by other scholars such as Bernard M. Bass and Hunsaker P.L.; and local scholars. Study conducted clearly praises teen novels which present the charismatic teenagers of its characters revealed by selected novels. Analysis which is done comprises of contents and the shape of selected novel shows that the author succeeds in creating charismatic elements to enable the characters dominate the whole narrative in the novel. The content in the selected teen novel indicates a charismatic rule and influence the other whole characters that support the main role functions as the small charismatic part. Analysis from the outline view also found the cause and effect element and the climax marks the charismatic leadership of teenagers in the novels. Therefore, the charismatic qualities greatly benefited by the author in the whole process in producing novels.



KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	viii
 BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Perkembangan Novel Remaja Malaysia	6
1.3 Penyataan Masalah	9
1.4 Tujuan Kajian	12
1.5 Objektif Kajian	14
1.6 Pendekatan Kajian	14
1.7 Persoalan Kajian	15
 BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Pendahuluan	16
2.2 Literatur Berkaitan	19
2.3 Reka Bentuk dan Kaedah Kajian	20
2.4 Populasi dan Sampel	21
2.5 Prosedur Penganalisan Data	22
 BAB 3 : KEDUDUKAN WANITA DALAM MASYARAKAT	
3.0 Pengenalan	23
3.1 Kedudukan Wanita Dalam Islam	24
3.2 Kedudukan Wanita Dalam Agama Kristian	28
3.3 Kedudukan Wanita Dalam Karya-karya Sastera Malaysia	30
3.4 Kedudukan Wanita Dalam Remaja Terpilih	35
3.4.1 Julia	35
3.4.2 Trilogi Cinta	36
3.4.3 Rona Bosphorus	37
3.4.4 Kembara Amira	37
3.4.5 1515	38

3.5	Pemahaman Awal Terhadap Hadiah Sastera Kumpulan Utusan Dan Ciri-ciri Karisma Kepimpinan	39
3.5.1	Hadiah Sastera Kumpulan Utusan	39
3.5.2	Ciri-ciri Karisma Kepimpinan	41
3.6	Kesimpulan	43
BAB 4 :	ANALISIS CIRI-CIRI KARISMA WATAK WANITA DALAM NOVEL REMAJA	
4.0	Pengenalan	45
4.1	Analisis Ciri-ciri Karisma Terhadap Watak Wanita Dalam Novel Remaja Pilihan	47
4.2	Analisis Penerapan atau Penggunaan Ciri-ciri Karisma Terhadap Watak Wanita Dalam Novel Remaja Pilihan	59
4.3	Analisis Gaya Fiksyen Terhadap Ciri-ciri Karisma Terhadap Watak Wanita Remaja Melalui Bentuk Dalam Karya Novel Remaja Pilihan	76
4.3.1	Plot – Manipulasi Hukum Sebab dan Akibat	76
4.3.1.1	Novel Julia	77
4.3.1.2	Novel Rona Bosphorus	80
4.3.1.3	Novel Trilogi Cinta	82
4.3.1.4	Novel 1515	84
4.3.1.5	Novel Kembara Amira	86
4.3.2	Manipulasi Unsur Ketegangan	89
BAB 5 :	Rumusan	105
	RUJUKAN	113
	BIBLIOGRAFI	115



SENARAI RAJAH

	Muka surat
1. Jalinan Hukum Sebab Akibat dalam Novel Julia	78
2. Jalinan Hukum Sebab Akibat dalam Novel Rona Bosphorus	81
3. Jalinan Hukum Sebab Akibat dalam Novel Trilogi Cinta	83
4. Jalinan Hukum Sebab Akibat dalam Novel 1515	85
5. Jalinan Hukum Sebab Akibat dalam Novel Kembara Amira	88





BAB 1



PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Akhir-akhir ini novel remaja semakin mendapat tempat dalam kalangan pembaca, malah mempunyai pengikut setia yang sentiasa memberi sambutan terhadap novel sebegini. Novel-novel remaja ini dihasilkan sama ada atas faktor permintaan ramai dan juga melalui pertandingan-pertandingan yang dianjurkan oleh badan-badan berkanun dan juga pihak swasta. Apa yang menarik mengenai novel-novel remaja ini ialah watak-watak feminin yang dijadikan watak utama dalam karya-karya itu. Namun begitu, ada persoalan yang timbul bagaimana penulis menghidupkan watak-watak ini dalam novel berbentuk novel remaja.





Benarkah takdir dan nasib insan bergelar wanita ini telah ditentukan oleh penulis novel berdasarkan konstruksi budaya? Dalam budaya masyarakat Malaysia kini, adakah konstruksi budaya telah memberi ruang yang terbaik buat wanita termasuk watak-watak di dalam novel? Wujudkah ruang dan peluang buat wanita dan watak-watak wanita di dalam novel dalam susun sosial masyarakat Malaysia? Insan bergelar wanita seolah-olah terkurung dalam wilayah yang amat terhad dan dibebankan dengan tanggungjawab serta wujud satu sempadan sehingga mereka hanya sesuai memegang watak sebagai orang dapur, suri rumah, dan dianggap tidak bernilai ekonomi. Malah insan bergelar wanita ini berhadapan dengan risiko sebagai orang yang hanya bertanggungjawab dalam soal reproduksi seperti melahirkan anak, mengasuh, mendidik dan membesarkan anak-anak.



Kedudukan watak-watak feminin dalam novel-novel Malaysia perlu dilihat dan dikaji dalam empat situasi dan aras seperti yang dikelompokkan di bawah:

- i. novel kreatif, serius dan berbudaya tinggi
- ii. novel remaja
- iii. novel popular
- iv. novel picisan dan erotik

Novel kreatif, serius dan berbudaya tinggi telah meletakkan watak watak feminin dalam pelbagai situasi. Watak-watak feminin dipertanggungjawabkan membawa ciri-ciri insan mulia bergelar wanita. Watak-watak feminin ini digambarkan





sebagai memperjuangkan emansipasi wanita. Umumnya watak-watak mulia sebegini diwujudkan oleh penulis-penulis wanita seperti Khadijah Hashim (*Badai Semalam*), Zaharah Nawawi (*Anugerah*), Fatimah Busu (*Ombak Bukan Biru*) dan Rosmini Shaari (*Jaringan*). Terdapat juga penulis-penulis lelaki yang telah menjadikan wanita sebagai watak utama dalam karya-karya mereka. Walaupun watak-watak itu diberi tanggungjawab dan berjuang dengan cara yang sedikit berbeza, namun penulis-penulis lelaki telah mengiktiraf insan bergelar wanita ini. Antara penulis-penulis tersebut ialah A.Samad Said (*Salina*), Shahnnon Ahmad (*Ranjau Sepanjang Jalan*), Arenawati (*Sudara*) dan S. Othman Kelantan (*Wajah Seorang Wanita*).

Sementara itu, penulis-penulis novel remaja turut mengangkat wanita sebagai watak utama dalam karya-karya mereka. Watak-watak ini mungkin sekali melibatkan watak wanita yang sudah berusia atau watak gadis remaja. Watak-watak ini menunjukkan sifat karismatik yang sesuai untuk remaja yang terlibat dalam dunia ilmu. Antara penulis tersebut ialah Abu Hasaan Morad (*Julia*), Siti Jasmina Ibrahim (*Trilogi Cinta*), Zaid Akhtar (*Rona Bosphorus*), Amer Hmzah L.Kadir (*Kembara Amira*) dan Faisal Tehrani (1515) . Keadaan ini amat bersesuaian dengan objektif sukatan pelajaran Kesusasteraan Melayu yang digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Antaranya:

- i. Memahami nilai-nilai kemanusiaan, kebudayaan yang terdapat dalam karya sastera.
- ii. Menyerapkan nilai-nilai moral yang dicerminkan menerusi karya sastera.





Oleh yang demikian, novel remaja seharusnya bersifat mendidik pembaca. Ini merupakan tanggungjawab moral yang amat berat bagi penulis-penulis novel remaja. Watak-watak di dalam novel remaja mestilah mempunyai sifat karismatik agar dapat menjadi sumber inspirasi kepada pembaca-pembaca remaja. Watak-watak ini tidak seharusnya menimbulkan rasa takut atau tidak gembira pembaca terhadap watak-watak itu sendiri. Malah, menimbulkan kekaguman dan rasa hormat. Begitu juga watak-watak feminin ini tidak semestinya membangkitkan rasa keghairahan seks remaja kerana belum waktunya remaja terdedah kepada unsur-unsur tersebut. Apatah lagi dengan watak-watak feminin yang menyebabkan remaja berbangga apabila melakukan perbuatan tidak bermoral.



Hal ini sejajar dengan saranan Muhammad Haji Salleh (2000), iaitu sastera ialah alatan dan wadah bangsa Melayu yang terpenting kerana di dalamnya juga tercakup karya-karya agama, adat istiadat, hukum, sejarah, salasilah, perubatan dan sebagainya. Di dalamnya dicurahkan segala fikiran orang Melayu tentang tatasusunan masyarakat yang dianggap unggul, wira dan nilai untuk dijadikan teladan, hubungan antara manusia yang melancarkan perjalanan masyarakat, malah hal-hal harian yang dapat membantu seseorang dalam hidupnya.

Ini amat berbeza jika watak-watak karya popular dan picisan atau erotik dijadikan perbandingan. Watak-watak feminin dalam novel sebegini diberi kedudukan yang rendah, malah menghinakan. Watak-watak ini dijadikan jambatan kepada perbuatan tidak bermoral, dijadikan tempat melepaskan nafsu dan diletakkan pada





tahap paling rendah sebagai manusia. Novel-novel begini menonjolkan watak-watak feminin yang mementingkan diri sendiri dan keseluruhan cerita berasaskan cinta nafsu. Ini ditegaskan oleh Shahnnon Ahmad (2008, Januari) mengatakan bahawa umumnya novel popular hanya berkisar pada kisah cinta muda mudi, tetapi tempiasnya mengena kepada aspek gejala sosial yang umumnya juga menyentuh aspek rumah tangga, kelainan darjat dan status, perbezaan jumlah harta benda, pendidikan formal dan keturunan dalam masyarakat. Novel popular lebih dikatakan mempunyai konotasi sampah sarap atau *garbage* dari kaca mata penilaian sastera dan hanya wujud dalam maqam budaya terendah.

Oleh yang demikian, watak-watak feminin dalam novel remaja memberi nilai-nilai yang baik, mulia, terkesan, panduan dan pedoman hidup. Memandangkan novel merupakan salah satu unsur dalam Kesusasteraan Melayu, nilai yang dipancarkan melalui watak-watak feminin seharusnya indah dan penuh dengan nilai estetik. Muhammad Haji Salleh (2000) menekankan peranan sastera apabila mengatakan Kesusasteraan Melayu bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan semata-mata, bahkan sastera dapat membantu mendidik masyarakat ke arah nilai-nilai terpuji. Kesusasteraan Melayu mengajar bagaimana kita harus menghormati orang lain, menghayati budi baik, mengasihi orang tua dan bagaimana buruknya akibat menderhaka. Kita diajak selalu bermurah hati, jangan menfitnah orang lain, tentang menjaga kemuliaan diri, memperkembangkan sifat rajin, kebijaksanaan dan beratus-ratus nilai dan petunjuk lain.





1.2 Perkembangan Novel Remaja Malaysia.

Novel remaja dikatakan mula tumbuh subur sekitar tahun 1989 apabila beberapa syarikat penerbitan terutamanya *Creative Enterprise Sdn. Bhd.* yang mempelopori satu kaedah baru pemasaran buku-buku kreatif, berlumba-lumba memasarkan novel-novel remaja yang kemudiannya lebih dikenali sebagai novel popular. Penulis-penulis lama dan baru seolah-olah dirasuk hingga mereka berjaya menghasilkan karya berbentuk baru untuk remaja. Lalu, khalayak berhadapan dengan ratusan judul novel kreatif. Namun, novel yang bagaimana harus dibaca dan dihayati oleh remaja untuk dijadikan pedoman. Sehingga sekarang masih timbul persoalan yang belum terjawab bagi membezakan antara novel remaja dengan novel popular.



Dalam kesukaran mentafsir bentuk novel remaja, amat mudah pula mengelaskan kelompok remaja. Bagi Abdul Ahmad (2001,Jun), remaja secara umumnya dapat dirumuskan sebagai insan yang berusia antara 13 hingggga 20 tahun. Dan, berpanduan tahap-tahap pertumbuhan dan perkembangan fizikal serta emosi, maka zaman remaja ini pula dipecahkan kepada tiga iaitu zaman remaja awal (13 hingga 15 tahun), zaman remaja menengah (16 hingga 18 tahun) dan zaman remaja akhir (19 hingga 20 tahun). Sementara Kamus Dewan (Edisi Keempat, Cetakan Kedua, 2007) menjelaskan bahawa remaja bermaksud mulai dewasa, sudah akil baligh, sudah cukup umur untuk berkahwin. Melihat kepada istilah remaja begini, novel-novel yang dihasilkan untuk golongan ini mestilah terdiri daripada pelbagai tema dan bentuk dan mungkin juga tema dan bentuk itu melangkaui usia mereka kerana remaja juga berhak memiliki impian seperti orang dewasa. Pengarang juga harus secara berseni membancuh dan mencerna





segala macam impian itu yang dibumbui oleh impian remaja agar remaja mempunyai pilihan terhadap novel-novel yang diinginnnya. Hal ini kerana sastera yang sesuai untuk remaja adalah sastera yang bermotif, terpinpin, terarah dan memberi sesuatu yang baik kepada remaja agar sesuai dengan pertumbuhan fikiran dan pembinaan rohani mereka.

Novel-novel remaja juga mestilah memenuhi wawasan negara walaupun khalayaknya masih muda dari segi kemampuan berfikir dan kemampuan bertindak. Novel remaja yang baik mengandungi nilai kreativiti yang dapat memperjelas dan memperlihatkan pemikiran asli, luwes dan lancar hingga terpancar niat murninya sama ada secara eksplisit atau implisit. Pemikiran yang dibawa mestilah besar walaupun berlatarkan masyarakat tempatan tetapi dapat berdialog di peringkat antarabangsa.

Dipenuhi dengan nilai akhlak yang dapat menyumbang kepada pembinaan sahsiah. Novel remaja juga menggambarkan nilai keprihatinan terhadap aspirasi nasional, dinamika sosial dan isu kemanusiaan sejagat.

Feminin merupakan isu yang besar sehingga terbentuk Aliran Feminisme yang diperjuangkan oleh golongan wanita. Sementara karismatik feminin bertujuan menilai sekuat mana watak-watak yang ada dalam novel-novel remaja pilihan dapat mendukung tanggungjawab ini. Karismatik bermaksud menunjukkan ciri-ciri karisma iaitu kualiti dalam bidang daya kepimpinan dan memilik daya penarik. Sifat-sifat ini menjadikan seorang individu itu berupaya mempengaruhi atau menjadi perangsang kepada khalayak ramai (Kamus Dewan. Edisi Keempat, Cetakan Kedua, 2007). Karisma juga selalu dikaitkan dengan pemimpin politik. Tetapi hakikat sebenarnya, karisma itu





adalah kualiti yang telah ada dalam diri seseorang dan bukannya kerana dia sudah memiliki kuasa atau status. Umumnya, karisma ditentukan dan dinilai oleh mata yang melihat dan karisma dirasakan mudah dikesan tetapi terlalu sukar untuk dijelaskan. Ahmad Naim Jaafar mengatakan istilah karisma dipopularkan oleh Max Weber dan Weber mendefinisikan karisma sebagai kualiti personaliti khusus yang ada pada seseorang individu (2003)

Secara tidak langsung watak-watak feminin di dalam novel remaja yang dipilih ini akan menunjukkan unsur-unsur positif yang dapat dijadikan panduan kepada pembaca remaja. Antara ciri-ciri karismatik feminin yang dapat disenaraikan ialah:

- i. Kepimpinan dalam bidang politik dan pentadbiran.
- ii. Pejuang dalam dunia keilmuan
- iii. Mengungguli dunia ekonomi
- iv. Pengembang sistem sosial masyarakat

Walaupun hakikatnya dalam dunia Islam feminin itu tidak wujud, namun pengiktirafan yang diberi oleh Islam terhadap feminin amat tinggi. Dalam masyarakat Arab Jahiliah, wanita diletakkan pada kedudukan yang paling rendah dan kemunculan agama Islam telah meletakkan semula wanita pada kedudukan yang seharusnya. Malah wujud beberapa wanita yang terkenal yang disebut di dalam Al Quran. Antaranya ialah kedudukan Maryam, ibu Nabi Isa a.s yang bermaksud:





*“Wahai Maryam, sesungguhnya Tuhan memilihmu,
mensucikanmu dan melebihkanmu berbanding
semua wanita didunia yang sezaman denganmu.”
(Al Quran, surah Ali Imran ayat 42.)*

Begitu juga pengiktirafan yang diberikan kepada Fatimah anak perempuan Nabi Muhammad s.a.w sebagai ketua seluruh wanita dunia. Wan Zailan Kamarudidin (2005) menyatakan bahawa Aisyah R.A menyebut bahawa “Wahai Fatimah, tidakkah kamu gembira sekiranya kamu dijadikan ketua sekalian wanita dunia ini?”. Hal ini menjelaskan bahawa wanita boleh menjadi pemimpin tetapi bagi golongannya sahaja. Namun ini merupakan pengiktirafan tertinggi Islam terhadap wanita.



1.3 Pernyataan Masalah

Novel-novel remaja kurang mendapat perhatian dan dianggap kurang penting. Sedangkan novel-novel sebegini merupakan pengenalan genre sastra bagi khalayak remaja. Oleh yang demikian, novel-novel remaja memainkan peranan yang sama penting dengan novel-novel kreatif, serius dan berbudaya tinggi. Malah, nilai pasaran bagi novel remaja amat memberangsangkan sehingga mendesak penerbit-penerbit menerbitkan novel-novel sebegini. Situasi ini membuktikan bahawa minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia sudah berubah. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan Pesta Buku Antarabangsa, pada tahun 1982 pengunjung pameran tersebut seramai 40 000 orang dan meningkat secara mendadak kepada 1.5 juta pengunjung pada tahun 2008. Terdapat juga penerbit yang menerbitkan antara 20 hingga 25 judul novel dalam masa





sebulan bagi memenuhi permintaan pembaca terutama golongan remaja (Utusan Melayu: 2008).

Malangnya, novel remaja masih lagi dianggap penyendal dalam dunia intelektual walaupun kandungan dan persoalan yang dibawa oleh novel remaja boleh dianggap serius. Malah, terdapat penulis novel remaja yang melakukan kerja-kerja penyelidikan agar unsur ilmu yang terkandung dalam karya mereka tepat dan jitu. Jadi, benarkah novel-novel remaja masih lagi berada di peringkat bawah dari sudut intelektual? Lantas pengkaji tertarik untuk membuat kajian ini apabila Abdul Ahmad menyatakan di kalangan masyarakat kesusasteraan termasuklah beberapa orang ahli akademik masih meletakkan sastera remaja di pinggir tradisi kesusasteraan Melayu umumnya (Dewan Sastera:2001). Kesusasteraan remaja tidak dipentingkan untuk dijadikan sumber pengkajian, malah terdapat dalam kalangan mereka yang menganggap pengkajian sastera remaja sebagai rendah, remeh, tidak serius dan keanak-anakan. Ini dikuatkan lagi dengan pernyataan bukan saja kajian terhadap novel remaja, malah kertas kerja yang membicarakan watak-watak feminin dalam karya remaja ini amat kurang dilakukan. Mohamad Daud Mohamad menyatakan bahawa daripada sekian banyak kertas kerja yang menampilkan tentang dunia wanita, tidak ada satu pun yang menyentuh tentang dunia gadis Melayu yang cukup banyak tampil dalam novel-novel remaja. Kita juga tidak menemui kertas kerja yang membincangkan tentang pemikiran wanita dalam kesusasteraan Melayu, baik dalam konteks masyarakat tradisi mahupun dalam konteks masyarakat moden; tambahna lagi (Dewan Sastera:1992). Benarkah telahan yang dilakukan ini? Benarkah novel-novel remaja begitu naif sehingga sukar mendapat



pengiktirafan golongan akademik? Apatah lagi untuk dijadikan bahan kajian ilmiah peringkat institusi pengajian tinggi.

Othman Puteh dalam *Sastera Remaja:Menyelusuri Takrif dan Konsep* turut mengakui bahawa kesusasteraan remaja itu terasa sekali tersisih dan hidup sebagai suatu “tradisi pinggir, memang sukar ditolak (Pengisian Dunia Sastera:1995). Novel remaja bukan saja menerima nasib sebegini di Malaysia, malah karya-karya ini turut menerima nasib sebegini di dunia Barat dan jiran kita Indonesia. Novel-novel remaja menerima layanan yang agak negatif oleh tokoh ilmuwan dan begitu malang sekali kerana novel-novel ini dilahirkan dengan penuh dedikasi pengarangnya. Menurut Othman Puteh lagi, di Barat yang banyak dibicarakan ialah sastera kanak-kanak (*children's literature*) dan bukannya sastera remaja. Sementara di Indonesia, hampir tidak ditemui istilah sastera remaja.

Alam Melayu merupakan alam yang dipenuhi dengan nilai-nilai estetik. Nilai-nilai ini mementingkan hubungan yang wujud antara sesama manusia, manusia dengan alam tabii serta hubungan antara manusia dengan alam metafiziknya. Kerana yang demikian, menyebabkan sudah wujud unsur ini dalam sastera tradisional Melayu seperti pantun, syair, seloka, nazam, gurindam dan prosa yang dipenuhi dengan nasihat, pedoman, panduan dan unsur pendidikan. Elemen-elemen ini juga terdapat dalam karya novel remaja iaitu elemen yang berkait rapat dengan kehidupan dan tidak bersifat keduniaan semata-mata. Cuma penulis novel remaja harus hati-hati agar plot

yang dibina di dalam novel-novel begini agar nampak lebih jelas kerana remaja dijangka tidak dapat menerima atau masih awal untuk berhadapan dengan plot yang rencam.

Atas permasalahan di atas, pengkaji merasakan amat perlu mendedahkan kekuatan novel-novel remaja berdasarkan watak-watak feminin yang berkarismatik kerana bagi pengkaji, kedudukan wanita dengan dunia golongan remaja amat hampir. Golongan remaja mempunyai hubungan yang lebih rapat dengan ibu berbanding dengan bapa. Begitu juga hubungan antara remaja dengan remaja. Sekurangnya golongan remaja akan sedar betapa golongan feminin turut memainkan peranan yang penting dalam masyarakat dan begitu juga dengan watak-watak feminin yang terdapat dalam novel-novel remaja.

1.4 Tujuan Kajian.

Kajian ini bertujuan melihat sejauh mana novel-novel remaja berjaya mengetengahkan watak-watak feminin yang berkarismatik. Novel-novel remaja yang selama ini dianggap sebagai bahan sastera kelas kedua dalam kalangan ahli akademik, dirasakan turut berperanan memberi pengajaran dan pedoman kepada golongan remaja. Malah terdapat watak-watak feminin yang boleh dijadikan ikon kepada remaja yang berjaya menunjuk ajar dan mendidik.

Kajian ini telah memilih beberapa buah novel-novel remaja yang telah memenangi Hadiah Sastera anjuran Kumpulan Utusan dan Exxon Mobil, antaranya :

- i. *Julia* (Abu Hassan Morad)
- ii. *Trilogi Cinta* (Siti Jasmina Ibrahim)
- iii. *Rona Bosphorus* (Zaid Akhtar)
- iv. *Kembara Amira* (Amer Hmzah L.Kadir)
- v. *1515* (Faisal Tehrani)

Kajian ini akan melihat bagaimana watak-watak feminin yang telah dibentuk oleh pengarang sehingga jelas terpancar ciri-ciri karismatik seperti mengungguli dalam bidang akademik, ekonomi dan sosial. Watak-watak feminin yang bukan dikurung di dalam wilayah milik wanita iaitu rumah tangga. Sebaliknya watak feminin yang berjaya memecah sempadan psikologi masyarakat dengan menonjolkan ciri-ciri kepimpinan dalam semua bidang yang dinyatakan tadi. Secara tidak langsung kajian ini dengan sebaik mungkin akan menjelaskan bahawa watak-watak feminin tidak perlu lagi diberi 'watak hitam' atau 'watak kelabu'.

1.5 Objektif Kajian.

Antara objektif kajian ini dilakukan ialah:



- i. Kajian ini akan membahaskan perbandingan antara watak-watak feminin yang menggambarkan ciri-ciri karismatik yang terdapat di dalam teks-teks pilihan secara jelas dan terperinci.
- ii. Malah secara tidak langsung kajian ini akan meletakkan karya novel-novel remaja sebagai karya yang menarik dan pekat dengan kandungan pelbagai disiplin ilmu.
- iii. Cuba sebaik mungkin bagi menemukan unsur-unsur karismatik di dalam idea, peristiwa, peraturan, falsafah, pemikiran, budaya, sejarah, agama dan amalan hidup seharian watak-watak tersebut.



1.6 Pendekatan Kajian.

Dalam usaha mengkaji novel-novel remaja terpilih, pengkaji akan melakukan penyelidikan dengan meneliti, menelaah dan menganalisis kelima-lima karya tersebut. Pengkaji akan menggunakan kaedah sorotan perpustakaan bagi memperoleh bahan rujukan.

1.7 Soalan Kajian

Kajian ini diharap dapat menjawab persoalan berikut:





1. Benarkan novel-novel remaja yang terdapat di pasaran Malaysia sekarang hanya memaparkan watak feminin yang klise hingga mempengaruhi mutu karya tersebut? Lantas karya novel remaja dianggap tidak penting dan bukan sebuah karya yang harus dikaji dan diberi perhatian.
2. Mengenal pasti watak-watak feminin di dalam novel terpilih, yang memainkan peranan penting dalam karya dan sesuai dijadikan ikon wanita, terutamanya remaja. Malah, watak-watak ini menonjolkan secara jelas ciri-ciri karismanya.
3. Mencirikan karisma yang dapat dikesan melalui watak-watak feminin tersebut dan membandingkan antara novel-novel yang telah dipilih.

